

02 OCT 1999

Mahathir-Anwar

ANWAR IBRAHIM TIDAK ISYTIHAR HARTANYA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Wan A.Hulaimi

LONDON, 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, adalah satu-satunya anggota Kabinet yang tidak mengisytiharkan hartanya semasa memegang jawatan.

Dr Mahathir berkata semua menteri Kabinet dikehendaki mengisytiharkan harta masing-masing kepada beliau.

"Mungkin beliau berpendapat kerang beliau timbalan perdana menteri, beliau tidak perlu berbuat demikian," kata Dr Mahathir ketika ditanya mengenai ketelusan dan politik dan mengapa ahli politik Malaysia tidak perlu mengisytiharkan harta, semasa mengadakan pertemuan dengan rakyat Malaysia di Malaysia Hall, di sini.

Anwar dipecat sebagai timbalan perdana menteri dan menteri kewangan pada 2 Sept tahun lalu dan disingkirkan daripada Umno pada hari berikut. from Umno the following day.

Anwar, yang kini menjalani hukuman penjara enam tahun, sedang dibicarakan atas tuduhan liwat.

Ketika ditanya sama ada tindakan baru-baru ini terhadap golongan ahli perniagaan yang dianggap sebagai kawan rapat Anwar bukan "pendakwaan terpilih", Dr Mahathir menjawab bahawa Anwar selalu berkata bahawa beliau tidak mempunyai kroni kerana beliau (Anwar) berlaku adil kepada semua orang.

"Hakikatnya ialah...orang-orang ini sebenarnya ialah kroninya, dan semasa beliau (Anwar) berada dalam kerajaan, orang-orang ini dilindungi. Oleh kerana sekarang beliau tidak lagi dalam kerajaan, mereka tidak dilindungi, dan kita mendapati bahawa mereka melakukan banyak perkara," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata adalah "salah bagi kita jika tidak mendakwa mereka kerana berbuat demikian akan mendedahkan kita kepada tuduhan melakukan pendakwaan terpilih".

"Sama ada kita berpegang kepada undang-undang atau tidak," kata beliau.

Beliau mengingatkan hadirin bahawa badan kehakiman di Malaysia adalah adil kerana pernah sebuah parti dalam kerajaan (Umno) telah diisytiharkan sebagai pertubuhan tidak sah dan anggota anggota Kabinet telah disabitkan kesalahan bagi membunuh.

"Anda tidak boleh menuduh proses perundangan di Malaysia sebagai bersifat terpilih," kata beliau.

Dr Mahathir juga menyentuh mengenai pilihan raya umum akan datang dan pembabitan pelajar dalam politik.

Menurut Perdana Menteri, kuasa asing menunggu untuk kerajaannya dikalahkan kerana gabungan pembangkang lebih mudah mengikut telunjuk mereka.

"Malaysia tidak perlu bergantung kepada sesiapa pun," kata beliau.

Dr mahathir berkata atas sebab inilah, Malaysia mencari penyelesaiannya sendiri terhadap masalah ekonomi dan tidak meminta bantuan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Mengenai pembabitan pelajar dalam politik, beliau berkata walaupun kerajaan menghantar pihak tertentu untuk menerangkan mengenai perkara-perkara seperti Koridor Raya Multimedia, kerajaan tidak mahu mereka terbabit secara langsung dalam politik.

Dr Mahathir menarik perhatian kepada insiden pada masa lalu apabila beliau "dikecam" dalam khutbah sembahyang Jumaat di Malaysia Hall.

"Saya tak marilah. Saya maru nak sembahyang, bukan nak dengar khutbah

macam itu," kata beliau.

Beliau memberitahu pelajar Malaysia yang juga hadir bahawa mereka mempunyai tanggungjawab untuk menimba ilmu dan bulan terbabit dalam rusuhan atau dalam politik kepartian.

Kepada satu lagi soalan mengenai "agenda tersembunyi" kuasa-kuasa dan kerajaan asing, Dr Mahathir berkata ada dua "aspirin" yang mereka (kuasa asing) hendak tawarkan kepada rakyat -- hak asasi manusia dan demokrasi.

Beliau merujuk kepada pemenjaraan seorang wartawan asing di Malaysia kerana kesalahan menghina mahkamah sambil berkata Barat kecewa kerana seorang wartawan Barat dipenjarakan.

"Tetapi mereka langsung tidak mengambil berat mengenai nasib rakyat di Iraq yang menyaksikan kanak-kanak menderita kekurangan makanan kerana seorang, presiden, ialah orang yang dibenci oleh Barat," kata Dr Mahathir.

Beliau bertanya bagaimana mereka (kuasa asing) boleh bercakap tentang demokrasi sedangkan satu undi dari seorang anggota tetap Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu boleh mengenyahkan kehendak lebih seratus anggota lain badan dunia itu.

Perdana Menteri berkata Malaysia mahu membantu golongan yang tertindas di mana-mana tempat, di Bosnia, Kosovo atau Somalia "kerana kita berada dalam kedudukan lebih baik daripada mereka".

Beliau berkata wang yang dikutip oleh rakyat Malaysia bagi pelarian Kosovo belum diagihkan sepenuhnya kerana kita mahu wang itu disalurkan kepada penduduk negara itu dan tidak disalurkan kepada pihak lain.

Selepas berucap kepada hadirin di Malaysia Hall, Dr Mahathir berlepas ke Zimbabwe untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika.

Terdahulu di sini, Dr Mahathir menunaikan sembahyang Jumaat. Sultan Brunei turut berangkat sama.

-- BERNAMA

WAH FAZ